



PASARAN

KORPORAT

AUTO

HARTANAH

TEKNOLOGI

USAHAWAN

LAIN-LAIN (BISNES)

Usahawan B40, M40 digital akan diberi perhatian

September 14, 2021 @ 12:19pm



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Usahawan daripada golongan B40 dan M40 yang berkecimpung dalam aktiviti berlandaskan inovasi dan ekonomi digital perlu diberi tumpuan agar dapat meningkatkan tahap kualiti kehidupan dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pandemik COVID-19 bukan sahaja mengubah cara manusia menjalani kehidupan harian tetapi turut mendesak semua pihak terutama usahawan segera beranjak kepada teknologi industri 4.0 (i4.0).

"Dalam menghadapi situasi pandemik yang mencabar ini, seharusnya teknologi i4.0 yang berasaskan pembangunan tempatan yang berteknologi tinggi dan ekonomi kurang sentuhan perlu diberi penekanan," katanya berucap pada majlis pelancaran Program MTDC Industry 4.0 TechWeek secara maya hari ini.

Beliau berkata, teknologi i4.0 membantu memperbaiki kecekapan proses, meningkatkan produktiviti, menambah baik kualiti, mengurangkan keperluan untuk bersemuka, mengehendkan pergantungan kepada buruh kasar, meminimumkan sentuhan dan memendekkan tempoh proses.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [MTDC tumpu pembangunan bidang robotik](#)
- [MOSTI beri penekanan dalam teknologi IR 4.0](#)
- [MTDC sasar luluskan dana sebanyak RM100 juta tahun ini](#)
- [MTDC sasar lulus RM0.85 juta dana](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 3m [Tiada elemen rasuah dalam isu pembayaran hutang Rina Harun](#)
- 4m [Britain berdepan hilang satu pingat perak Olimpik Tokyo](#)
- 6m [3 perisik AS mengaku menggodam untuk UAE](#)
- 8m [Bursa Malaysia meningkat selepas dibuka rendah](#)
- 12m [iPhone 13 Pro, iPhone 13 Pro Max dilancarkan, RM4,899](#)
- 16m [Sikap tak bertanggungjawab jejas gelembung pelancongan](#)
- 20m [Lebih 17 juta populasi negara lengkap divaksin](#)
- 29m [Semakan permohonan masuk UA mulai tengah hari ini](#)



MTDC Sasar lulus RM10.05 juta dalam penyelidikan sosial

"Keperluan kepada mekanisasi, sistem robotik, sains data, pendigitalan, kecerdasan buatan dan pelbagai cabang teknologi yang lain kini menjadi keperluan mustahak dan sekiranya tidak dipenuhi segera, akan membuat kita ketinggalan," katanya.

Dr Adham berkata, MOSTI komited untuk terus menerajui bidang teknologi i4.0 lain seperti blok rantai, ruang simpanan awan, dron, Internet Kebendaan, robotik, Kecerdasan Buatan dan inovasi berpusatkan manusia.

Program MTDC Industry 4.0 TechWeek adalah penutup kepada siri Road2Growth yang berlangsung pada Mac hingga Mei 2021.

Bertemakan Melonjakkan IKS ke Landasan i4.0, Program MTDC Industry 4.0 TechWeek mengumpulkan pemegang taruh utama inisiatif teknologi industri 4.0 atau i4.0, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat besar, penyelidik universiti, pembangun teknologi, penggubal polisi dan pelabur untuk membincangkan tentang kesediaan industri, usahawan dan teknologi.

Dr Adham berkata, program itu menyokong pelbagai usaha MOSTI memberi tumpuan ke arah mempertingkatkan infrastruktur digital dan teknologi disruptif yang menjadi nadi utama bagi memastikan kelangsungan sistem ekonomi permulaan, pembiayaan dan pembangunan bakat.

"Sistem ini kemudiannya akan memangkin pembangunan sosioekonomi negara selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC), Datuk Norhalim Yunus, berkata perkongsian pengalaman dan perbincangan melalui program terbabit mampu memberi dimensi baharu kepada peserta untuk meningkatkan kefahaman mengenai cabaran dan peluang industri 4.0 yang semakin berkembang maju.

"MTDC dan syarikat di bawah ekosistem akan terus komited untuk menyokong perkembangan semasa industri 4.0 dan kami menyediakan perkhidmatan latihan keusahawanan dan pembangunan usahawan teknologi tempatan dalam bidang industri 4.0.

"Usahawan yang dikenal pasti akan dibimbing, dilatih dan diberikan bantuan teknikal menerusi cabang akademi MTDC iaitu Technopreneur Training Academy (TENTRA) untuk latihan keusahawanan dan Centre of 9 Pillars (Co9P) untuk kemudahan latihan bersama jurulatih berpengalaman bagi setiap latihan dan keperluan solusi i4.0," katanya.

-BERNAMA

VAKSIN

NASIONAL 21 minit yang lepas



Lebih 17 juta populasi negara lengkap divaksin



WILAYAH 4 jam yang lepas

21,558 Orang Asli Pahang lengkap divaksin



EROPAH Sep 14, 2021 @ 8:04am

Tiada keperluan dos penggalak vaksin COVID-19 - Kajian



EROPAH Sep 14, 2021 @ 6:36am

Ketua kesihatan UK syor kanak-kanak 12-15 tahun divaksin



WILAYAH Sep 13, 2021 @ 3:27pm

Lebih 100 guru di Terengganu enggan divaksin



NASIONAL Sep 13, 2021 @ 11:16am

61,105 pekerja industri di Negeri Sembilan divaksin

TRENDING



NASIONAL 2 jam yang lepas

Imam Besar Masjid Putra mohon maaf




BOLA 3 jam yang lepas

Pengawal keselamatan rebah terkena bola sepakan Ronaldo




NASIONAL 4 jam yang lepas

Tumpahan bahan kimia: 2 pengsan, lebih 100 dipindahkan



BOLA Sep 14, 2021 @ 8:57pm

TMJ kecewa penyokong JDT lupa asal usul



MYRESIP



RESIPI Sep 14, 2021 @ 1:34pm

Resipi Nasi Dagang Guna Rice Cooker, Tak Perlu Rendam & Kukus Pun Menjadi!

BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (BISNES) Dis 10, 2019 @ 8:06am
MED, MTDC bantu PKS ke arah teknologi digital



PASARAN Dis 17, 2017 @ 5:23pm
Industri 4.0: Syarikat pemula akan terus dibantu



LAIN-LAIN (BISNES) Sep 4, 2018 @ 2:43pm
MTDC bangun hab Industri 4.0



NASIONAL Apr 7, 2021 @ 8:24pm
MTDC, Agrobank biaya usahawan tani guna aplikasi moden

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Taliban rolls out red carpet to China's Belt and...
Nikkei Asia

Petaling Jaya: Calculate your potential earnin...
thetraderreviews.com

Petaling Jaya: Likuidasi SUV 2020 yang tidak...
SUV | Senarai Tajaan
[Read more](#)


Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...
Mansion Global

Comfortable Mattresses in 2021 Might Be...
Mattresses | Search Ads

Can UMNO and Barisan Nasional return to...
CNA - Insight
[Watch More](#)

COVID-19 - Latest news and coverage
CNA

Here Is What Full Mouth Dental Implants Should...
Dental Implants | Search Ads



RESIPI Sep 14, 2021 @ 11:48am
Cara Buat Waffle Yang Sedap & Garing, Ikut Je Sukatan Mudah Ini!

TIPS & PETUA Sep 14, 2021 @ 10:21am



Petua Simpan Tauhu Supaya Tahan Lama & Tidak Cepat Masam



RESIPI Sep 13, 2021 @ 3:05pm
Jom Buat Sup Dumpling, Modal RM10 Je Tapi Boleh Dapat 40 biji



RESIPI Sep 13, 2021 @ 12:27pm
Resipi Pancake Korea, Guna Kucai Ganti Daun Bawang. Sesuai Dengan Tekak Melayu!

OHBULAN



TABLIGH 21 minit yang lepas
Shuk Sahar Sertai Tabligh, Peminat Doakan Moga Terus Istiqamah



VIDEO SEBAK 27 minit yang lepas
[VIDEO] Ayash Affan Akhirnya Dibenarkan Pulang, Semua Teruja Nak Pegang Baby.



VIDEO VIRAL 2 jam yang lepas
'Dengan Rendah Hati Saya Ingin Memohon Maaf...' – Imam Masjid Putra, Putrajaya



SPONSORED:MAMEE:150921
4 jam yang lepas
Comel Gila Mamee Monster We Bare Bears Nj, Siap Ada Perisa Rendang Edisi Terhad!




SITI SARAH Sep 14, 2021 @ 7:56pm
[VIDEO] Anak Bongsu Shuib Pulang Ke Rumah – 'Mereka Nampak Happy. Sangat Bila...


SIRAPLIMAU



FAMILI 26 minit yang lepas
[VIDEO] Abang Sulung Mual & Loya Setiap Kali Tengok Adik Baharu, Aneh!



RAWATAN IVF 35 minit yang lepas
Embrio IVF Berbaki 3, Wanita TTC Sebak Bila Disahkan Hamil Secara



Cara Buat Jeruk Petai, Sedap, Ranggup & Tahan Lama



ASUH Sep 14, 2021 @ 3:52pm
Tabiat Aneh Kanak-Kanak Suka Makan



Tanah, Serpihan Simen



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)

